



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**MAJLIS PELANCARAN PELAN STRATEGI KEBANGSAAN BAGI MENANGANI PUNCA
PERKAHWINAN BAWAH UMUR**

**16 JANUARI 2020 (KHAMIS)
MASA: 9.30 PAGI
DEWAN PERDANA NUR
BANGUNAN KPWKM**

SALUTASI

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat sama-sama hadir dalam Majlis Pelancaran Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada pagi ini.
2. Terima kasih kepada YBhg. Dato' KSU KPWKM yang telah menyampaikan taklimat sebentar tadi.
3. Terima kasih juga kepada YB Menteri, timbalan-timbalan menteri, KSU-KSU, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dan semua hadirin kerana sudi hadir tanda sokongan terhadap usaha kita menambahbaik dan memperkasakan kanak-kanak dan keluarga di Malaysia yang tercinta ini.

PEMBANGUNAN PELAN

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

4. Kerajaan telah mencadangkan kenaikan had umur perkahwinan kepada 18 tahun dalam semua perundangan berkaitan perkahwinan.
5. Bagi merealisasikan hasrat itu, Nota Jemaah Menteri mengenai Inisiatif Bagi Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan dalam Perundangan di Malaysia telah dibentangkan pada 26 September 2018.
6. Ini diikuti dengan Pembentangan mengenai Cadangan Kerajaan untuk Menaikkan Had Umur Minimum Perkahwinan Dalam Perundangan Yang Berkaitan di Malaysia pada 16 Oktober 2018 di dua platform yang berbeza iaitu kepada Majlis Raja-Raja yang ke- 250 dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke 132.
7. ***Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Kerajaan Negeri Selangor atas langkah proaktif melakukan pindaan bagi menaikkan had umur perkahwinan Islam daripada 16 ke 18 tahun.***
8. Pembentangan-pembentangan yang telah dilaksanakan melalui 2 platform ini telah diperkukuhkan dengan surat susulan untuk mendapatkan maklum balas Kerajaan Negeri pada bulan November 2018.
9. Selain itu, Kerajaan turut melebarkan usaha kepada perspektif yang lebih luas.
10. Kita tidak hanya fokus kepada perubahan dalam aspek perundangan, Kerajaan turut memberi tumpuan terhadap punca-punca yang menjadi “*contributing factors*” dalam terjadinya perkahwinan bawah umur di Malaysia.
11. Kajian Mengenai Perkahwinan Bawah Umur bersama-sama draf *Strategy and Roadmap to End Child Marriage* yang telah dijalankan oleh UNICEF dijadikan rujukan untuk memperhalusi punca-punca tersebut dalam membangunkan pelan ini.
12. Sebanyak **tiga sesi Mesyuarat Libat Urus bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur** yang melibatkan pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan serta UNICEF telah dilaksanakan pada **25 Februari 2019, 9 dan 25 Julai 2019**.
13. Sehubungan itu, dapatan daripada ketiga-tiga sesi tersebut dan rujukan terhadap kajian UNICEF telah digunapakai untuk membangunkan strategi bagi menangani punca perkahwinan bawah umur ini.
14. Terkini, Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur ini telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Kabinet pada 8 Januari 2020 yang lalu dan **MJM ini telah pun dipersetujui oleh Kabinet**.

15. Isu perkahwinan bawah umur, kepentingan kanak-kanak dan keluarga merupakan keutamaan Kerajaan dan mandat Kabinet ini merupakan manifestasi supaya kita semua berganding bahu berusaha menangani isu ini dengan lebih agresif, tidak kira diperingkat persekutuan, negeri, daerah dan lain-lain.

PELAKSANAAN TELAH BERMULA

Hadirin yang dimuliakan,

16. **Seperti yang telah dipaparkan di dalam video dan dinyatakan oleh YBhg. Dato' KSU KPWKM sebentar tadi, faktor-faktor yang dikenalpasti menjadi punca utama kepada berlakunya perkahwinan bawah umur ini akan ditangani melalui perubahan dasar, penambahbaikan perundangan dan pelaksanaan program dan aktiviti kesedaran secara menyeluruh dan bersepadu.**
17. **Pelaksanaan pelan ini akan dilaksanakan** dalam tempoh 5 tahun iaitu 2020 sehingga 2025 meliputi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang akan **melibatkan** agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, agensi-agensi Kerajaan Negeri, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Pertubuhan Antarabangsa.
18. Untuk makluman semua, terdapat program dan tindakan yang telah pun dimulakan oleh beberapa agensi untuk menambahbaik pengurusan perkahwinan bawah umur.
19. Antara perkara yang boleh dikongsi adalah usaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) menerusi Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang telah menambah baik prosedur dan garis panduan sedia ada berkaitan permohonan pendaftaran perkahwinan bawah umur 18 tahun tetapi telah genap 16 tahun bagi pasangan wanita yang berkuat kuasa mulai 22 Ogos 2019.
20. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) melalui mata pelajaran Pendidikan Kesihatan di peringkat prasekolah lagi.
21. ***Pihak KPWKM melalui Pusat Remaja Kafe@Teen kendalian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menawarkan perkhidmatan kesihatan reproduktif, kaunseling sosial dan saringan kesihatan untuk remaja yang telah melakukan hubungan seks sebelum berkahwin.***
22. Ini akan membantu menyokong usaha untuk memberi kesedaran dan pemahaman kepada kanak-kanak mengenai isu *Sexual Reproductive Health*.
23. *Pihak Kementerian turut melaksanakan kempen kesedaran anti-pembuangan bayi dengan kerjasama beberapa pihak seperti PLUS Highway, TGV Cinema, Big Pharmacy dan lain-lain lagi dan antara kumpulan yang disasarkan adalah remaja di bawah 18 tahun.*

24. *Kita sampaikan maklumat mengenai kewujudan rumah-rumah perlindungan untuk remaja yang hamil sebelum nikah supaya tidak membuang bayi mereka dan supaya mereka sedar akan wujudnya sistem sokongan dan perkahwinan bawah umur bukanlah pilihan yang terbaik.*
25. Selain itu, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) juga telah membangunkan *Standard Operating Procedure (SOP) Permohonan Perkahwinan Bawah Umur.*
26. SOP ini digunapakai bagi menyelaraskan kes-kes permohonan perkahwinan bawah umur di mahkamah syariah seluruh Malaysia.
27. Manakala Jabatan Perangkaan Malaysia telah menubuhkan dan mengetuai Jawatankuasa Khas Antara Agensi bagi Penyelarasan Pengumpulan Statistik Perkahwinan dan Perceraian pada 6 Disember 2018 yang dianggotai oleh 24 agensi.
28. Begitu juga JAKIM masih meneruskan usaha pembentangan Penyeragaman Undang-Undang Keluarga Islam Di Negeri-Negeri.
29. Syabas dan terima kasih saya ucapkan

PEMANTAUAN BERTERUSAN USAHA PELAKSANAAN PELAN

Hadirin yang dimulihkan,

30. Perancangan dan pelaksanaan sahaja tidak memadai.
31. Pelan ini akan dipantau keberkesanannya melalui penubuhan **Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia yang mana keahliannya akan dipilih daripada pihak-pihak yang berkepentingan sesuai mengikut peranan masing-masing.**
32. Jawatankuasa ini akan memantau pelaksanaan dan perkembangan program dan tindakan yang dirancang di setiap peringkat pelaksanaannya.
33. Ia akan berfungsi sebagai platform untuk agensi pelaksana yang terlibat melaporkan status tindakan, isu dan cabaran serta cadangan penambahbaikan terhadap setiap program atau tindakan yang dilaksanakan yang akan berkuat kuasa dari tempoh pelaksanaan Pelan ini sehingga program dan tindakan yang dirancang dalam Pelan ini tamat pada tahun 2025.
34. Pihak KPWKM turut mengalu-alukan input dan maklumbalas membina daripada semua pihak untuk menambahbaik pelan yang telah dihasilkan ini dari masa ke masa.

HASRAT DAN HARAPAN

Hadirin yang dimulihkan,

35. ***Isu ini perlu ditangani secara holistik dan disinilah peranan utama pelan strategi ini yang bukan sahaja untuk menangani punca-punca perkahwinan bawah umur, ianya juga secara langsung akan membantu mengatasi masalah-masalah sosial lain yang melibatkan kepentingan kanak-kanak dan keluarga.***
36. ***Pelan strategi ini amat diperlukan sementara menunggu perubahan daripada aspek perundangan.***
37. ***Perkahwinan bawah umur turut mempunyai kesan langsung terhadap kesihatan remaja dan terdapat hasil kajian yang menemukan bahawa remaja berusia 15-19 tahun yang hamil mempunyai risiko kematian dua kali ganda semasa kehamilan dan kelahiran.***
38. ***Kita percaya jika punca-punca ini dapat ditangani, maka di masa akan datang masalah perkahwinan bawah umur dapat dibendung.***
39. ***Kanak-kanak terutamanya kanak-kanak perempuan akan mempunyai peluang yang lebih cerah untuk menempuh alam pendidikan dan mengembangkan potensi diri mereka.***
40. ***Sekiranya ingin dibandingkan, pada zaman dahulu perkahwinan di usia yang terlalu muda, khususnya kanak-kanak dipraktikkan kerana keadaan sosioekonomi, peluang pendidikan dan realiti hidup yang membuatkan amalan itu normal.***
41. ***Namun kini, dengan adanya peluang pendidikan yang jauh lebih baik, kemajuan teknologi, keadaan sosioekonomi yang positif dan kesedaran terhadap betapa pentingnya kanak-kanak diberikan peluang mengembangkan potensi diri, perkahwinan bukan sepatutnya menjadi pilihan untuk keluar daripada sebarang bentuk permasalahan.***

PENUTUP

Hadirin yang dimuliakan,

42. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Kementerian, Jabatan, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, UNICEF, pakar dalam bidang kanak-kanak, wakil kanak-kanak dan pihak-pihak lain yang telah menyumbangkan masa, tenaga, kepakaran dan pandangan dalam membangunkan Pelan ini.
43. Tahniah dan terima kasih juga kepada semua ahli Jawatan Kuasa pelaksana majlis pelancaran pada pagi ini.
44. Saya menyeru dan berharap agar semua pihak akan menyokong usaha murni Kerajaan ini, khususnya rakan-rakan daripada Kementerian-kementerian lain, agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, NGO dan pihak-pihak lain yang berkaitan.
45. ***Terima kasih juga kepada UNICEF atas kerjasama yang berterusan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif memperkasakan kumpulan sasar KPWKM khususnya kanak-kanak.***

46. ***Thank you very much to UNICEF for the continuous support towards empowering our target groups especially, children.***
47. Isu perkahwinan bawah umur adalah isu bersama yang memerlukan sokongan padu semua pihak.
48. ***Memandangkan terdapat bidang kuasa yang berbeza antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam perkara berkaitan perkahwinan, Kerajaan Negeri harus sama-sama memikul tanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak tidak terjerumus dalam perkahwinan bawah umur.***
49. Kanak-kanak adalah bakal pemimpin masa depan negara.
50. Ingatlah, mereka merupakan pewaris yang akan menerima kesan daripada setiap keputusan yang kita buat sekarang.
51. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur.

Sekian, terima kasih.